

## SUMBER-SUMBER FATWA

### Pendahuluan

Sebelum sesuatu hukum atau fatwa dikeluarkan, ulama telah terlebih dahulu menentukan sumber pengambilan hukum berkenaan. Perkara ini bertujuan supaya fatwa tersebut tidak menyimpang dari tujuan atau maqasid syariah yang telah ditetapkan. Justeru, ulama Usul Fiqh telah membahagikan sumber-sumber fatwa kepada dua bahagian iaitu sumber yang disepakati dan sumber yang tidak disepakati.

### Sumber-sumber yang disepakati

#### 1. Al-Quran

Al-Quran merupakan sumber perundangan Islam yang utama serta terkandung di dalamnya syariat yang menjadi pegangan dan pedoman bagi seluruh umat Islam di muka bumi ini. Seluruh ulama telah bersepakat mengenai kehujahan al-Quran yang merupakan *Kalamullah* yang menjadi syiar keagungan Islam. Manakala, bentuk penyampaian hukum di dalam al-Quran melalui dua cara iaitu secara *tafsil* (terperinci) dan *kulliy ijmal* (umum serta ringkas). Sementara, penerangan mengenai hukum yang *ijmal* ini pula diperincikan melalui pertunjuk hadis seterusnya oleh ulama mujtahidin.

#### 2. Al-Sunnah

Al-Sunnah atau hadith merupakan perkataan, perbuatan dan pengakuan yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Peranan al-Sunnah yang antaranya sebagai pengukuh, pengulang, penjelas, pentafsir dan memperinci hukum-hukum yang terkandung di dalam al-Quran iaitu pada perkara yang bersifat *mujmal* (ringkas), mutlak dan umum.

#### 3. Ijma‘

Perkataan *Ijma‘* dari sudut bahasa ertiannya berazam dan bertekad melakukan sesuatu. Manakala, dari segi istilah pula bermaksud *ittifaq* (sependapat atau sebulat suara) ulama mujtahidin dari kalangan umat Islam pada bila-bila masa selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW mengenai sesuatu Hukum Syarak. Ia merupakan ketetapan hukum yang diputuskan oleh ulama yang berautoriti seperti para mujtahid secara bersepakat pada sesuatu masa selepas kewafatan Rasulullah SAW.

#### 4. Al-Qiyas

Dari sudut bahasa, ia membawa pengertian *taqdir* dan *musawah* (mengukur dan persamaan). Sementara dari sudut istilah, qiyas bermaksud membuat analogi terhadap sesuatu masalah yang tidak terdapat nas di atas hukumnya dengan masalah yang mengandungi nas terhadap hukum-hukumnya. Persamaan yang dimaksudkan ialah hukum yang terdapat pada nas tersebut mempunyai persamaan

terhadap kedua-dua masalah iaitu pada ‘illah hukum tersebut. ‘illah pula erti sifat yang merupakan faktor utama terbinanya hukum tersebut.

### **Sumber-sumber yang tidak disepakati**

#### **1. Al-Istishab**

Dari segi bahasa, ia bermaksud saling bersahabat (al-Musahabah) atau mengekalkan persahabatan. Manakala dari segi istilah pula didefinisikan sebagai menghukum dengan mengekalkan sesuatu di atas keadaan yang terdahulu sehingga tertegaknya dalil yang menunjukkan di atas perubahannya. Mazhab Syafie, Hanbali dan Zahiri menerima sumber ini sebagai hujah mutlak untuk menetapkan hukum. Manakala mazhab Maliki dan Hanafi pula menerimanya sebagai hujah untuk menolak dan bukan untuk penetapan hukum.

#### **2. Al-Istihsan**

Al-Istihsan ialah mengutamakan untuk beramal dengan *qiyas khafiyy* berbanding *qiyas jaljyy* kerana wujud dalil mengenainya. Dalam hal ini, hanya mazhab Hanafi dan mazhab Maliki sahaja yang menerima pakai sumber ini berbanding mazhab yang lain.

#### **3. Masalih al-Mursalah**

Ia memberi maksud berkenaan sesuatu yang mendatangkan manfaat serta selari dengan tuntutan Syarak dan maqasid (objektif) serta dapat menghindarkan sesuatu dari sebarang bentuk kemudaratian. Menurut Imam al-Ghazali, sumber ini boleh dijadikan hujah sekiranya berada pada tahap daruriyyah.

#### **4. Al-‘Urf**

Al-‘Urf merujuk sebarang jenis adat sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan yang menjadi amalan majoriti sesuatu kaum secara berterusan. Justeru, penggunaan ‘urf sebagai sumber penentuan hukum di kalangan ulama adalah berbeza mengikut faktor tempat serta cara hidup masing-masing. Namun, hanya mazhab Hanafi dan Hanbali sahaja yang mengiktiraf ‘urf sebagai sumber penentuan Hukum Syarak.

#### **5. Qawl al-Sahabiyy**

Ia merupakan himpunan pandangan serta hasil ijtihad dan fatwa terhadap sesuatu perkara yang sabit dilakukan oleh seorang atau lebih di kalangan sahabat Rasulullah SAW. Ia bukanlah dianggap sebagai hujah seorang sahabat terhadap sahabat yang lain kerana para sahabat umumnya telah berselisih pandangan sesama mereka dalam banyak isu dan masalah. Malah, terdapat di kalangan mereka yang merupakan mujtahid dalam Hukum Syarak seperti Khulafa’ al-Rasyidin serta beberapa orang sahabat yang lain.

## **6. Syar' Man Qablana**

Ia bermaksud segala hukum-hakam yang telah disyariatkan oleh Allah SWT kepada umat-umat terdahulu melalui perantaraan Nabi-Nabi dan para Rasul. Sebahagian dari Syariat tersebut ada dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Manakala kebanyakannya pula tidak dinyatakan. Mazhab Hanafi dan Maliki menggunakan sumber ini manakala mazhab yang lain pula tidak mengiktirafnya sebagai sumber hukum.

## **7. Sadd al-Zara'i'**

Takrifan bagi sumber ini ialah menyekat atau membendung jalan-jalan yang membawa ke arah kerosakan atau keburukan. Dalam hal ini, hanya mazhab Maliki dan Hanbali sahaja yang mengiktirafnya sebagai sumber Hukum.

## **Kesimpulan**

Sumber-sumber ini berperanan penting dalam penentuan Hukum Syarak. Namun, para mujtahid mempunyai justifikasi tersendiri dalam menentukan sumber-sumber yang kukuh sebagai usul mazhabnya.